

PIUMS, KESUMBA anjur program usrah nurani secara dalam talian

Oleh Yap Slong Han

UB 07.08.2021 P. 03

KOTA KINABALU: Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah (PIUMS) serta Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita UMS (KESUMBA) meneruskan kolaboratif dalam menganjurkan program perkongsian ilmu pengetahuan secara dalam talian bagi manfaat masyarakat.

Terbaru, Sekretariat Helwa PIUMS, Biro Hal Ehwal Agama dan Kebajikan KESUMBA serta Persatuan Fikrah Ummah Medika Sabah telah menganjurkan Program Usrah Nurani Siri ke-4 dengan mengupas topik berkaitan ‘Amalan Berkhatan: Hikmah dan Tatacara’.

Program yang diadakan secara dalam talian menggunakan platform Cisco Webex dan siaran secara langsung di Laman Facebook Rasmi PIUMS disertai seramai 39 peserta yang bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kebaikan dan tatacara berkhatan.

Perkongsian ilmu disampaikan Timbalan Dekan (Pascasiswazah dan Penyelidikan) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS, Prof. Madya Dr. Mohd Firdaus Mohd Hayati yang juga merupakan seorang pakar bedah am.

Dalam perkongsian itu, beliau memaklumkan amalan

khatan bukan sahaja dilakukan bagi memenuhi syariat Islam malah penting untuk menjaga kebersihan diri.

“Berkhatan adalah suatu proses lebihan kulit pada bahagian alat sulit dibuang bagi tujuan mengekalkan kebersihan zakar dan faraj daripada menjadi tempat pembiakan kuman yang memudaratkan.

“Sebaik-baiknya aktiviti bersunat ini dilakukan sejurus selepas bayi dilahirkan kerana mereka sembah lebih cepat daripada golongan dewasa,” katanya.

Selain teknik tradisional, Mohd Firdaus menjelaskan terdapat beberapa teknik khatan moden yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia seperti teknik dorsal slit dan teknik clamp.

“Saya menyeru agar ibu bapa dapat menghantar anak-anak ke pusat kesihatan untuk menjalankan proses berkhatan sebelum mencecah umur akil baligh dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini,” katanya.

Program Usrah Nurani yang dimulakan sejak awal tahun ini merupakan inisiatif PIUMS dan KESUMBA yang menjemput ahli-ahli akademik dari UMS berkongsi topik-topik berkaitan keagamaan dari perspektif pelbagai bidang.